



PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 12 TAHUN 2020

ARAHAN KERJA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA PROSES KERJA PENANDAAN DAN PENGESAHAN SEMPADAN KAWASAN KERJA SECARA JABATAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Arahan kerja ini bertujuan untuk menggariskan proses kerja bagi kerja persediaan di pejabat, penyemakan kerja di lapangan bagi kerja penandaan dan pengesahan sempadan kawasan kerja secara jabatan selaras dengan kehendak perundangan serta untuk pengurusan, pengusahasilan dan pembangunan hutan secara teratur, sempurna dan berkesan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Penandaan sempadan kawasan kerja adalah aktiviti pertama yang dijalankan sebelum aktiviti-aktiviti perhutanan lain dilaksanakan. Sempadan kawasan kerja menjadi asas untuk menentukan had kawasan yang boleh dikerjakan.
- 2.2 Penandaan sempadan kawasan kerja merupakan penentuan bagi kedudukan permulaan sempadan dan keluasan sesuatu kompartmen atau subkompartmen di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) sebelum sesuatu aktiviti perhutanan dilaksanakan.
- 2.3 Penandaan Sempadan Kawasan Kerja yang betul juga perlu untuk mengelakkan berlakunya pertindihan kawasan, kekeliruan, perubahan sempadan, komplikasi perundangan, kerugian hasil bagi Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan memudahkan pengawasan serta pengawalan oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri (JPN).

3.0 SKOP KERJA

- 3.1 Arahan kerja ini digunakan oleh Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN)

bagi Proses Kerja penandaan sempadan kawasan pengusahahasilan secara jabatan di kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK).

- 3.2 Arahan kerja ini akan diguna pakai oleh Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan (IPJPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) yang terlibat dengan penandaan dan pengesahan sempadan kawasan kerja secara jabatan.

4.0 TANGGUNGJAWAB

- 4.1 Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM)/Pengarah Perhutanan Negeri (PPN)/Pegawai Hutan Daerah/Jajahan (PHD) adalah bertanggungjawab menentukan arahan kerja ini dipatuhi. Pematuhan ini merangkumi sesiapa juar yang terlibat dengan aktiviti Proses Kerja penandaan dan pengesahan sempadan kawasan kerja secara jabatan di HSK.
- 4.2 Kegagalan mana-mana orang dalam mematuhi pelaksanaan arahan kerja ini boleh dikenakan tindakan undang-undang atau tatatertib.

5.0 KAEADAH PELAKSANAAN

5.1 Punca Kuasa

5.1.1 Punca kuasa bagi melaksanakan arahan kerja ini adalah berpandukan sepertimana berikut:

- i. Minit Mesyuarat Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-37 yang telah diadakan pada 29 Oktober hingga 1 November 2017 di Terengganu.
- ii. Minit Mesyuarat kajian Semula Proses Kerja JPSM yang telah diadakan pada 22 Julai 2018 hingga 24 Julai 2018 di Genting Highlands, Pahang.

5.2 Dasar dan Perundangan

5.2.1 Kerajaan adalah komited dalam memastikan bahawa sumber hutan negara akan dibangunkan secara berkekalan sebagaimana terkandung dalam kenyataan Dasar Perhutanan Negara (DPN) 1978.

5.2.2 Undang-undang yang diguna pakai bagi arahan kerja ini ialah Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56], Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984) [Akta 313] dan Kaedah-Kaedah Hutan.

5.3 Pelaksanaan arahan kerja ini melibatkan pelbagai lapisan perjawatan. Tindakan dan tanggungjawab terhadap proses kerja ini adalah seperti berikut:

Bil	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
5.3.1	Menerima arahan PPN/TPPN untuk melaksanakan penandaan sempadan kawasan pengusahahasilan berasaskan pelan kawasan kelulusan.	PPN/PHD
5.3.2	Mengarahkan PP menyediakan Pelan Kawasan Kerja Pengusahahasilan Hutan dalam format GIS yang mempunyai bacaan GPS bagi Pusat Ikatan berdasarkan Pelan Kawasan Kelulusan.	PPN/PHD
5.3.3	<p>Menyediakan Pelan Kawasan Kerja Pengusahahasilan Hutan berskala 1:5,000 dalam format GIS yang mempunyai bacaan GPS bagi Pusat Ikatan dan setiap stesen sempadan berserta dengan maklumat-maklumat berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Tajuk pelan; (ii) Arah utara; (iii) Skala pelan; (iv) Daerah Hutan; (v) Nama Hutan Simpanan Kekal; (vi) Nombor Kompartmen/Subkompartmen; (vii) Luas Kompartmen/Subkompartmen; (viii) Pelan kunci berskala 1:50,000; (ix) Nombor Lembar Topo; (x) Sempadan Kawasan Kerja dengan huruf stesen sempadan yang mengandungi bacaan GPS; (xi) Maklumat mengenai bearing dan jarak dari stesen ke stesen; (xii) Jalan dan sungai (jika ada); (xiii) Garis kontur dengan sela jarak 20 meter; (xiv) Pusat Ikatan [catatkan bearing dan jarak dari PI ke Stesen Permulaan Sempadan (SPS) jika PI dan SPS tidak terletak di tempat yang sama]; (xv) Petunjuk; (xvi) Nama, jawatan dan tandatangan pegawai yang menyediakan pelan serta tarikh tandatangan; dan (xvii) Nama, jawatan dan tandatangan pegawai yang mengesahkan pelan serta tarikh tandatangan. 	PP

Bil.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
5.3.4	Menyemak Pelan Kawasan Kerja Pengusahahasilan Hutan.	PPH/PPHD
	5.3.4.1 Jika pelan tidak betul dan tidak lengkap, memperbetul dan melengkapkan pelan (ulangi dari para 5.3.3).	PP
	5.3.4.2 Jika pelan didapati betul dan lengkap, mengesah pelan.	PPPN/PHD
5.3.5	Mengedarkan Pelan Kawasan Kerja Pengusahahasilan Hutan dan mengarahkan PRH menjalankan Penandaan dan Pengesahan Sempadan Kawasan Kerja di lapangan.	PPPN/PHD
5.3.6	Menyediakan Pasukan Kerja Penandaan Sempadan (PKPS) yang diketuai oleh pegawai berpangkat tidak rendah daripada Pengawas Hutan.	PPPN/PHD
5.3.7	Menentu kedudukan dan menanda PI di lapangan, mengambil bacaan GPS di lapangan dan merekod ke dalam Buku Kerja Luar.	PRH
	5.3.7.1 Sekiranya berlaku perubahan PI dan Stesen A kawasan kerja penandaan sempadan di lapangan direkodkan dalam Buku Kerja Luar penandaan sempadan.	PPH/PPHD
	5.3.7.2 Jika penentuan PI dan Stesen A didapati betul, membenarkan pasukan Penandaan dan Pengesahan Kawasan Kerja melaksanakan penandaan sempadan di lapangan.	PPH/PPHD
5.3.8	Menjalankan kerja-kerja penandaan sempadan kawasan kerja.	PKPS
5.3.9	Menyediakan Laporan Siap Kerja dan mengedarkan dokumen-dokumen kerja seperti berikut: (i) Buku Kerja Luar; (ii) Butiran Stesen dan Pokok Rujukan Stesen; (iii) Butiran Stesen dan Pokok Rujukan Sempadan; dan (iv) Pelan Penandaan dan Pengesahan Sempadan.	KP

Bil.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
5.3.10	Menerima Buku Kerja Luar dan pelan penandaan dan pengesahan kawasan kerja yang telah dimasukkan maklumat sempadan di lapangan setelah sempadan siap ditanda dan diukur di lapangan.	PPPN/PHD
5.3.11	Menyediakan Pasukan Semakan (PS) yang diketuai oleh seorang pegawai kanan yang berpangkat tidak rendah daripada PPHD/PPH.	PPPN/PHD
5.3.12	<p>Menyemak secara rawak sempadan kawasan kerja yang telah disiapkan dengan kadar seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) kawasan yang kurang daripada 50 ha – semakan 100 peratus; (ii) kawasan yang berkeluasan 50 ha hingga 100 ha – semakan 50 peratus; dan (iii) kawasan yang berkeluasan lebih 100 ha – semakan 30 peratus. <p>Semakan dibuat berdasarkan pelan kawasan kerja dan Buku Kerja Luar Penandaan Sempadan. Perkara-perkara yang perlu disemak ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) kesempurnaan penandaan pancang stesen (sekiranya ada); (ii) kesempurnaan penandaan Pokok Rujukan Stesen; (iii) ketepatan bearing dan jarak sempadan dari stesen ke stesen; (iv) kesempurnaan penandaan Pokok Sempadan; dan (v) kesempurnaan penandaan Pokok Rujukan Sempadan. <p>Setiap sempadan di antara stesen yang disemak hendaklah sampai ke penghujungnya.</p>	Ketua PS
5.3.12.1	Jika penandaan sempadan tidak betul dan/atau tidak sempurna, mengarahkan PKPS mengulangi semula kerja penandaan sempadan (ulangi dari para 5.3.9).	Ketua PS
5.3.12.2	Jika penandaan sempadan didapati betul dan sempurna, mengarahkan Ketua PKPS memplot Pelan Penandaan dan Pengesahan Sempadan Kawasan Kerja.	Ketua PS

Bil.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
5.3.13	Menyediakan Pelan Penandaan dan Pengesahan Sempadan Kawasan Kerja.	Ketua PKPS/PP
5.3.14	Mengemukakan Laporan Semakan Kerja dan Pelan Penandaan dan Pengesahan Sempadan Kawasan Kerja serta Buku Kerja Luar kepada PPPN/PHD.	Ketua PS
5.3.15	Menyemak Laporan Semakan Kerja dan Pelan Penandaan dan Pengesahan Sempadan Kawasan Kerja yang disediakan.	PPPN/PHD
	5.3.15.1 Sekiranya laporan dan pelan tidak betul dan tidak lengkap, memperbaiki dan melengkapkan pelan.	Ketua PKPS/PP
	5.3.15.2 Sekiranya pelan didapati betul dan lengkap, sediakan 2 salinan Sijil Penandaan dan Pengesahan Sempadan manakala 2 salinan <i>hard copy</i> dan <i>soft copy</i> Pelan Penandaan dan Pengesahan Sempadan.	Ketua PKPS/PP
5.3.16	Menerima 2 Sijil Penandaan dan Pengesahan Sempadan, 2 salinan <i>hard copy</i> dan <i>soft copy</i> Pelan Penandaan dan Pengesahan Sempadan Kawasan Kerja serta Buku Kerja Luar.	PPPN/PHD
5.3.17	Mengemukakan kepada PPN perkara-perkara berikut: (i) Satu (1) salinan Sijil Penandaan dan Pengesahan Sempadan; dan (ii) Satu (1) salinan Pelan Penandaan dan Pengesahan Sempadan Kawasan Kerja kepada PPN.	PPPN/PHD

5.4 Carta aliran proses kerja bagi aktiviti Penandaan dan Pengesahan Sempadan Kawasan Kerja Secara Jabatan adalah seperti di **Lampiran 1**.

6.0 PEMAKAIAN

6.1 Pelaksanaan arahan kerja ini adalah terpakai di peringkat JPN. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat perubahan atau penambahbaikan ke atas arahan kerja yang digariskan, konsultasi dengan IPJPSM perlu diadakan.

7.0 TERMINOLOGI

- 7.1 Terminologi Proses Kerja Penandaan dan Pengesahan Sempadan Secara Jabatan adalah seperti di **Lampiran 2**.

8.0 TARIKH KUAT KUASA

- 8.1 Arahan kerja ini berkuatkuasa mulai tarikh Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dikeluarkan.

9.0 PEMBATALAN

- 9.1 Tidak berkaitan.

10.0 RUJUKAN

- 10.1 Manual Perhutanan Jilid II

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


Saya yang menjalankan amanah,




(**DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG**)
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

Bertarikh : 26 Oktober 2020


Carta aliran proses kerja bagi aktiviti Penandaan dan Pengesahan Sempadan Kawasan Kerja Secara Jabatan



Sambungan Lampiran 1



Sambungan Lampiran 1



Lampiran 2

TERMINOLOGI

Diameter	-	Ukuran diameter paras dada batang pokok di luar kulit yang diambil pada paras ketinggian 1.3 meter dari permukaan tanah yang tertinggi. Bagi pokok yang mempunyai banir atau akar jangkang yang melebihi 1.0 meter tinggi, ukuran diameter diambil pada paras 0.3 meter di atas banir atau akar jangkang.
Hutan Simpanan Kekal	-	Kawasan tanah berhutan dan tidak berhutan yang diwartakan untuk tujuan perhutanan di bawah seksyen 7, Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984) [Akta 313]. Pada kebiasaan, kawasan ini hanya disebut sebagai Hutan Simpan.
Kawasan Kerja Penandaan Sempadan	-	Kawasan kompartmen atau subkompartmen dalam hutan darat asli dalam Hutan Simpanan Kekal yang akan dijalankan kerja-kerja penandaan dan pengesahan sempadan untuk tujuan pengusahahasilan berdasarkan pelan kelulusan.
Pelan Kawasan Kerja	-	Pelan yang mengandungi maklumat asas bagi melaksanakan kerja penandaan sempadan di lapangan. Maklumat mengenai bearing dan jarak dari stesen ke stesen yang dinyatakan di dalam pelan ini merupakan panduan untuk melaksanakan kerja penandaan sempadan di lapangan dan boleh berubah mengikut keadaan topografi di lapangan.
Pelan Penandaan dan Pengesahan Sempadan Kawasan Kerja	-	Pelan Kawasan Kerja Penandaan Sempadan yang mengandungi maklumat-maklumat asas topografi dan butiran penandaan sempadan yang akan dilaksanakan.
Pokok Sempadan	Rujukan	- Pokok sempadan yang ditanda nombor siri dengan cat merah dan dicap dengan Tanda Jabatan.
Pokok Rujukan Stesen		- Pokok yang ditanda dengan gelangan cat merah, huruf stesen dan anak panah menunjukkan arah kedudukan stesen sempadan serta dicap dengan Tukul Tanda Jabatan.

Sambungan Lampiran 2

- | | |
|---|--|
| Pokok Sempadan | - Pokok yang ditanda dengan gelangan cat merah di sepanjang sempadan Kawasan Kerja bagi menandakan kelarian sempadan kawasan tersebut. |
| Pusat Ikatan | - Suatu titik rujukan di atas tanah yang digunakan sebagai punca untuk menentukan kedudukan Stesen Permulaan Sempadan. Pusat Ikatan lazimnya dipilih daripada ciri geografi yang kekal seperti cabang sungai, jambatan kekal, <i>bench mark</i> atau stesen trigonometri. Selain daripada ciri geografi yang kekal, Stesen Permulaan Sempadan atau Stesen Sempadan Kawasan Kerja/Kawasan Lesen bersebelahan boleh juga digunakan sebagai Pusat Ikatan. |
| Sijil Penandaan dan Pengesahan Sempadan | - Suatu dokumen perakuan yang disediakan dan ditandatangani oleh Pegawai Renj Hutan berkenaan bagi mengesahkan sempadan Kawasan Kerja telah ditanda dengan betul dan sempurna. |
| Stesen Permulaan Sempadan | - Stesen pertama dalam kerja-kerja pengukuran dan penandaan sempadan Kawasan Kerja. |
| Tanda Jabatan | - Tanda yang dicap pada pokok dengan menggunakan Tukul Tanda Jabatan yang ditetapkan sebagai pengesahan yang pokok berkenaan telah ditanda untuk sesuatu tujuan oleh seorang Pegawai Hutan. |
| Tukul Tanda Jabatan | - Tukul besi bernombor yang mempunyai tanda Jabatan Perhutanan Negeri berkenaan yang digunakan untuk mengecap pada pangkal pokok bagi maksud-maksud tertentu. |

SINGKATAN

GIS	- <i>Geographic Information System</i>
GPS	- <i>Global Positioning System</i>
JB	- Juru Ukur Berlesen
KPH	- Kontraktor Pembangunan Hutan
HSK	- Hutan Simpanan Kekal
KP	- Ketua Pasukan
PBN	- Pihak Berkuasa Negeri
PPN	- Pengarah Perhutanan Negeri
PPH	- Penolong Pemelihara Hutan
PPPN	- Penolong Pengarah Perhutanan Negeri
PH	- Pengawas Hutan
PHD	- Pegawai Hutan Daerah/Jajahan
PPHD	- Penolong Pegawai Hutan Daerah/Jajahan
PI	- Pusat Ikatan
PP	- Pelukis Pelan
PRH	- Pegawai Renj Hutan
PT	- Pembantu Tadbir
PKPS	- Pasukan Kerja Penandaan Sempadan
PS	- Pasukan Semakan
TPPN	- Timbalan Pengarah Perhutanan